

Headline	FSB pertingkatkan kemahiran pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	10	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	669 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,175
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,525



FSB pertingkatkan kemahiran pelajar

FSB kini menawarkan dua program baharu

JELI - Fakulti Sains Bumi (FSB), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) ditubuhkan pada 1 April 2012 bersama Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) apabila Fakulti Agro Industri dan Sumber Asli (FASA), UMK Kampus Jeli dipisahkan kepada dua fakulti.

Dengan matlamat program pengajian untuk melatih pelajar memahami keusahawanan dalam industri berasaskan gabungan sumber asli dan teknologi, penubuhan FSB selari dengan satu teras penubuhan UMK iaitu sumber asli dan alam sekitar.

Selaras dengan pendidikan keusahawanan yang menjadi tunjang UMK, mahasiswa FSB didedahkan dengan kursus elektif keusahawanan bagi membolehkan ilmu pengetahuan mereka diterjemah kepada menjana kekayaan melalui aktiviti ekonomi.

Penubuhan FSB di UMK Kampus Jeli sendiri bersesuaian dengan persekitaran semula jadi daerah berkenaan yang kaya dengan sumber asli dan kawasan hutan, sekali gus membantu penerokaan ilmu pelajar fakulti itu.

Pada sesi akademik 2009/2010 ketika FSB masih dikenali sebagai Jabatan Sains Bumi (JSB), fakulti itu menawarkan tiga program pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan dalam bidang sumber asli, geosains dan sains kelestarian.

Dekan FSB, Prof. Dr Razak Wahab berkata, selepas melahirkan 247 graduan dari tiga program itu setakat ini, FSB kini menawarkan dua program baharu bagi Ijazah Sarjana Muda Sains Gunaan iaitu Teknologi Bahan dan Teknologi Sumber Hutan.

"Kita sudah ada program Sains Kelestarian, Sumber Asli dan Geosains, manakala yang baharu diwujudkan tahun lepas, Teknologi Bahan dan tahun ini, kita mula tawarkan Teknologi Sumber Hutan.

"Pada konvokesyen UMK tahun ini, ini kali keempat FSB

melahirkan graduan peringkat sarjana muda dan tahun ini, seramai 74 mahasiswa fakulti ini akan bergraduasi," katanya ketika ditemui di pejabatnya di UMK Kampus Jeli.

Menurut Razak, apabila kesemua lima program pengajian yang ditawarkan itu berjalan lancar, FSB menjangkakan dapat melahirkan 200 hingga 300 mahasiswa yang bergraduasi setiap tahun.

Pada masa ini, katanya, FSB mempunyai seramai 65 pensyarah yang aktif mengajar, sementara 30 orang sedang melanjutkan pengajian peringkat doktor falsafah (PhD), majoritinya di luar negara.

pelajar cemerlang FSB yang diambil sebagai pensyarah muda dan baru sebulan berlepas ke United Kingdom untuk ambil PhD.

"Apabila 30 pensyarah yang sedang ambil PhD ini pulang, kita jangka ada ruang untuk mengurangkan ratio antara pensyarah dan pelajar kerana di FSB, kita tetapkan satu pensyarah mengajar tak lebih 100 pelajar," katanya.

Mengenai perancangan masa depan FSB, Razak meletakkan kemudahan infrastruktur bagi aktiviti pengajaran dan pembelajaran sebagai keutamaan kerana mereka dan FIAT kini berkongsi bangunan, kelas kuliah dan fasiliti lain yang sama.

Menurut Razak, mengikut perancangan, bangunan baharu FSB dijangka mula dibina pada tahun depan bergantung kepada peruntukan kerajaan dan UMK sendiri sebelum dijangka siap pada awal 2016.

"Sekarang kita guna kemudahan yang satu dan bila siap bangunan baharu nanti, FSB akan ada kemudahan infrastruktur sendiri seperti kelas dan kemudahan untuk penyelidikan.

"Selepas mula berkongsi kemudahan dua tahun lalu, FSB kini ada sebuah bengkel atau makmal

sendiri dan satu lagi akan dibina untuk program Teknologi Bahan dan Geosains," katanya.

Tambahnya, pelajar FSB juga digalakkan banyak melakukan aktiviti pembelajaran dan kajian secara berkumpulan di lapangan sesuai dengan program masing-masing bagi menampung kekurangan kemudahan.

"Kita juga galakkan pelajar pergi ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Jabatan Hutan untuk dapatkan pendedahan dari segi menimba pengalaman dan teknologi canggih," katanya.

Ditanya hala tuju FSB seterusnya, Razak memberitahu, fakulti itu akan menggunakan hasil kajian dan penyelidikannya untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat di Parlimen Jeli yang majoritinya terlibat dalam bidang pertanian dan aktiviti hutan.

Bagi tujuan itu, katanya, FSB akan menubuhkan sebuah nurseri yang menggunakan kepakaran dan teknologi moden khusus untuk pokok hutan terutama yang berkualiti tinggi tetapi semakin pupus.

"Kita tahu masyarakat di Jeli ramai terlibat pertanian dan aktiviti balak seperti pengeluaran anak benih pokok secara kecil-kecilan, jadi kita akan perkenalkan nurseri bertemakan hutan yang kita akan bina.

"Untuk peringkat awal, kita peruntukkan kawasan seluas 0.8 hektar dan nurseri bagi tanam semula hutan ini akan ada lebih 60 spesies kayu balak seperti chengal, balau dan yam," katanya.

Razak memberitahu, selain teknologi terkini, nurseri itu akan menggunakan khidmat seorang pakar hutan yang pernah berkhidmat selama 38 tahun dengan FRIM sebelum bersara.

"Selain untuk pelajar buat penyelidikan, anak benih pokok hutan yang dihasilkan dengan jaminan kualiti di nurseri ini boleh dijual kepada orang kampung

Headline	FSB pertingkatkan kemahiran pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	10	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	669 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,175
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,525

untuk dipasarkan," katanya.

Razak menegaskan, biar apa pun perancangan FSB, matlamat dan cabaran utama pihaknya adalah untuk mendidik pelajar dengan bidang keusahawanan berasaskan sains supaya tidak bergantung kepada kerja makan gaji apabila tamat pengajian nanti.

"Kalau nak, mereka boleh kerja makan gaji sekejap seperti untuk tiga empat tahun dan selepas itu buka perniagaan sendiri kerana kita mahu bangsa kita tetapkan sendiri destinasi hidup mereka," katanya.

"Kita juga ada empat bekas

“Apabila kesemua lima program pengajian yang ditawarkan itu berjalan lancar, FSB menjangkakan dapat melahirkan 200 hingga 300 mahasiswa yang bergraduasi setiap tahun.”
- Razak Wahab



RAZAK WAHAB



Razak meninjau proses pembelajaran di makmal FSB yang dikendalikan Timbalan Dekan FSB, Prof Madya Aweng Eh Rak di UMK Kampus Jeli

Headline	FSB pertingkatkan kemahiran pelajar		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	10	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	669 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,175
Frequency	Daily	PR Value	RM 30,525



Razak menunjukkan antara anugerah medal emas yang dimenangi hasil penyelidikan FSB, UMK Kampus Jeli